

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 17 MAC 2015 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Cuaca baik sepanjang LIMA'15 – Jabatan Meteorologi	BERNAMA
2.	Cuaca diramal baik sepanjang penganjuran Lima'15	Sinar Harian
3.	Jab Meteorologi: Cuaca baik sepanjang Lima'15	Sinar Harian Online

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM  
TARIKH: 17 MAC 2015 (SELASA)**



## **Cuaca Baik Sepanjang LIMA'15 - Jabatan Meteorologi**

LANGKAWI, 16 Mac (Bernama) -- Keadaan cuaca diramal baik sepanjang penganjuran Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2015 yang berlangsung esok.

Pembantu Meteorologi Jabatan Meteorologi Malaysia Langkawi Azwan Rojihan berkata pada keseluruhannya keadaan cuaca di Langkawi adalah baik dengan suhu antara 25 dan 35 darjah celsius.

"Dengan keadaan cuaca yang baik itu sepanjang berlangsungnya LIMA'15 yang berakhir Sabtu ini, orang ramai dan pelancong boleh menyaksikan pertunjukan itu dengan selesa," katanya ketika dihubungi Isnin.

Menurutnya hujan dijangka turun di satu atau dua tempat pada malam Sabtu ini.

Para pelancong juga berpeluang menyaksikan Karnival Pelancongan dan Kebudayaan anjuran Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan selama tiga hari di tapak letak kereta Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) bermula esok.

Sementara itu, Timbalan Yang Dipertua Persatuan Teksi Langkawi Adnan Md Salleh berkata pihaknya sudah menyediakan lebih 1,000 unit teksi untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pengunjung sempena LIMA'15.

Sehubungan itu beliau berharap pemandu teksi selaku barisan hadapan dapat memberi komitmen tinggi dan kepuasan kepada pelanggan mereka.

Bagi perkhidmatan feri, syarikat yang mengendalikan perkhidmatan feri antara Langkawi ke tanah besar memberi jaminan untuk mengadakan perkhidmatan tambahan kepada pelancong sempena LIMA'15.

Pengurus Feri Bahagia, Wong Sia Kiong berkata perkhidmatan secukupnya akan diadakan bagi menampung kebanjiran pelancong yang akan berkunjung ke Langkawi sempena pameran itu.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR  
SINAR HARIAN (NAHAS PESAWAT) : MUKA SURAT 12  
TARIKH: 17 MAC 2015 (SELASA)**

## Cuaca diramal baik sepanjang penganjuran Lima'15

**LANGKAWI** - Keadaan cuaca diramal baik sepanjang penganjuran Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima'15) yang berlangsung hari ini.

Pembantu Meteorologi Jabatan Meteorologi Malaysia Langkawi, Azwan Rojihan berkata, pada keseluruhannya, keadaan cuaca di Langkawi adalah baik dengan suhu

antara 25 dan 35 darjah celsius.

"Dengan keadaan cuaca yang baik itu, sepanjang berlangsungnya Lima '15 yang berakhir Sabtu ini, orang ramai dan pelancong boleh menyaksikan pertunjukan itu dengan selesa," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurutnya, hujan dijangka turun di satu atau dua tempat pada malam Sabtu ini.

Pelancong juga berpeluang menyaksikan Karnival Pelancongan dan Kebudayaan anjuran Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan selama tiga hari di tapak letak kereta Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) bermula hari ini.

Sementara itu, Timbalan Yang Dipertua Persatuan Teksi Langkawi, Adnan Md Salleh berkata, pihaknya

menyediakan lebih 1,000 unit teksi untuk perkhidmatan terbaik kepada pengunjung sempena Lima '15.

Sehubungan itu, beliau berharap pemandu teksi selaku barisan hadapan dapat memberi komitmen tinggi dan kepuasan kepada pelanggan mereka.

Bagi perkhidmatan feri, syarikat yang mengendalikan perkhidmatan

feri antara Langkawi ke tanah besar memberi jaminan untuk mengadakan perkhidmatan tambahan kepada pelancong sempena Lima '15.

Pengurus Feri Bahagia, Wong Sia Kiong berkata, perkhidmatan secukupnya akan diadakan bagi menampung kebanjiran pelancong yang akan berkunjung ke Langkawi sempena pameran itu. - Bernama

**BERITA ONLINE  
SINAR HARIAN.COM  
TARIKH: 17 MAC 2015 (SELASA)**



## Jab Meteorologi: Cuaca baik sepanjang Lima'15

**LANGKAWI** - Keadaan cuaca diramal baik sepanjang penganjuran Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima) 2015 yang berlangsung esok.

Pembantu Meteorologi Jabatan Meteorologi Malaysia Langkawi Azwan Rojihan berkata pada keseluruhannya keadaan cuaca di Langkawi adalah baik dengan suhu antara 25 dan 35 darjah celsius.

"Dengan keadaan cuaca yang baik itu sepanjang berlangsungnya Lima'15 yang berakhir Sabtu ini, orang ramai dan pelancong boleh menyaksikan pertunjukan itu dengan selesa," katanya ketika dihubungi hari ini.

Menurutnya hujan dijangka turun di satu atau dua tempat pada malam Sabtu ini.

Para pelancong juga berpeluang menyaksikan Karnival Pelancongan dan Kebudayaan anjuran Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan selama tiga hari di tapak letak kereta Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) bermula esok.

Sementara itu, Timbalan Yang Dipertua Persatuan Teksi Langkawi Adnan Md Salleh berkata pihaknya sudah menyediakan lebih 1,000 unit teksi untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada pengunjung sempena Lima'15.

Sehubungan itu beliau berharap pemandu teksi selaku barisan hadapan dapat memberi komitmen tinggi dan kepuasan kepada pelanggan mereka.

Bagi perkhidmatan feri, syarikat yang mengendalikan perkhidmatan feri antara Langkawi ke tanah besar memberi jaminan untuk mengadakan perkhidmatan tambahan kepada pelancong sempena Lima'15.

Pengurus Feri Bahagia, Wong Sia Kiong berkata perkhidmatan secukupnya akan diadakan bagi menampung kebanjiran pelancong yang akan berkunjung ke Langkawi sempena pameran itu. -Bernama